



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN



ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA

KEPUNGAN BABI

No. Dokumentasi: APTVM 4(3):2/2021

EDISI KEDUA

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
MALAYSIA**

ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA

KEPUNGAN BABI

No. Dokumentasi: APTVM 4(3):2/2021

EDISI KEDUA

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
MALAYSIA**

ISI KANDUNGAN

MUKASURAT

Kata-kata Aluan	iv
1.0 Latarbelakang	1
2.0 Skop	1
3.0 Definisi	1
4.0 Kata Singkatan	5
BAHAGIAN I: KAWASAN DAN PRINSIP KEPUNGAN	
5.0 KAWASAN KEPUNGAN	6
5.1 Premis Kepungan	6
5.2 Kawasan penampaman kepungan	6
6.0 TANGGUNGJAWAB PEGAWAI VETERINAR LADANG	7
6.1 Pemeriksaan Veterinar	7
6.2 Survelan dan Persampelan	7
7.0 SURVELAN PREMIS KEPUNGAN	8
8.0 SURVELAN KAWASAN PENAMPMAN KEPUNGAN	9
9.0 PELAN PENGURUSAN BIOSEKURITI PREMIS KEPUNGAN	10
9.1 Infrastruktur Premis Kepungan	10
9.2 Pelan Biosekuriti dan Kontigensi Premis Kepungan	10
9.3 Biosekuriti Kawasan Penampaman Kepungan	11
10.0 PENGURUSAN WABAK DI DALAM KAWASAN KEPUNGAN	12
11.0 DAYA JEJAK DAN REKOD	12
12.0 PEMVAKSINAN	14
13.0 PEMERIKSAAN POST MORTEM	15

**BAHAGIAN II: PROSEDUR PERMOHONAN DAN PENDAFTARAN
KAWASAN KEPUNGAN**

14.0	KELAYAKAN MEMOHON	15
15.0	PROSEDUR PEMOHONAN KEPUNGAN	15
16.0	PEMBATALAN KAWASAN KEPUNGAN	17
SENARAI RUJUKAN		19
Lampiran 1 – Permohonan Kepungan		20
Lampiran 2(i) – Senarai Semak Kepungan Babi (Premis Kepungan)		23
Lampiran 2(ii) – Senarai Semak Kepungan Babi (Kawasan Penamparan Kepungan)		26
Lampiran 3 (i) – Garis Panduan Penyediaan Laporan Kepungan		28
Lampiran 3 (ii) – Pemeriksaan Keakuran Dan Pemeriksaan Ulangan Kepungan		29
Lampiran 4 – Log Pemeriksaan Kepungan		30
Jawatankuasa Penyediaan APTVM Kepungan Babi		31
Penghargaan		33

KATA-KATA ALUAN

Industri ternakan babi sedang giat melalui proses transformasi. Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) amat menggalakkan kaedah perladangan babi moden yang lebih mesra alam dan lestari. Namun begitu industri ini masih lagi menghadapi risiko penyakit sebagaimana pernah berlaku ketika wabak Nipah (1999). Bagi mengurangkan risiko sedemikian, konsep kepungan diperkenalkan supaya kaedah pencegahan dan kawalan penyakit yang lebih berkesan dapat dilaksanakan.

Konsep kepungan dilaksanakan bertujuan membolehkan aktiviti perdagangan dapat diteruskan walaupun sewaktu wabak penyakit berlaku di luar kawasan kepungan. Konsep ini telah diperakui oleh Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (OIE) yang menitikberatkan amalan biosecuritidan amalan penternakan yang baik melalui program pemantauan penyakit dengan program surveyan yang lebih tersusun untuk memastikan penyakit dapat dicegah dan dikawal dengan lebih cekap dan berkesan.

Maka dengan penerbitan APTVM Kepungan Babi ini saya ingin mengarahkan kepada semua anggota Jabatan Perkhidmatan Veterinar agar mematuhi garispanduan ini bagi membangunkan sesebuah kepunganbabii. Selain itu, saya juga ingin mengesyorkan supaya semua ladang babi yang mendapat persijilan myGAP supaya mengamalkan penternakan moden melalui sistem kepungan bagi membolehkan pembangunan industi babi yang lebih mapan.



**YBhg. Dato' Dr. Norlizan bin Mohd Noor
Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Malaysia**

KEPUNGAN BABI

1.0 LATAR BELAKANG

Kejadian wabak penyakit boleh menyebabkan sekatan kepada pemindahan ternakan ke negara lain. Ini telah dibuktikan semasa wabak virus Nipah (1999) yang menyebabkan kerugian besar kepada industri babi.

Konsep kepungan telah diperkenalkan oleh OIE untuk mengawal penyakit dan patogen dalam populasi ternakan tanpa mengganggu perdagangan. Penubuhan kepungan dijangka dapat melancarkan dagangan ternakan dan produknya. Kepungan menitikberatkan biosecuriti yang baik, amalan penternakan yang baik, program kesihatan gerompok yang teratur dan aktiviti surveilan yang tersusun.

Ternakan dan produk yang dihasilkan dalam kepungan yang diiktiraf bebas dari sebarang penyakit akan mempunyai daya saing yang lebih tinggi. Tahap keselamatan makanan yang dihasilkan adalah lebih terjamin dan kepentingan dan kesihatan pengguna dilindungi.

2.0 SKOP

Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia (APTVM) untuk kepungan babi akan menjelaskan syarat kelayakan penubuhan kepungan, peranan, prosedur dan pengurusan meliputi status, persampelan, ujian, rekod, audit, pengesahan, persijilan dan pembatalan kepungan.

3.0 DEFINISI

3.1 Biosecuriti

Prosedur nyah jangkitan atau penyingkiran semua jenis mikroorganisma hidup yang dibawa oleh haiwan dan bahan serta alat yang berkaitannya dengan menggunakan disinfektan.

3.2 Establishment

Tempat, kandang, reban, loji pemprosesan, kilang, klinik, kedai, premis atau rumah di mana haiwan ditempatkan atau diletakkan secara sementara atau tetap serta dijalankan perkhidmatan berkaitan haiwan.

3.3 Good Manufacturing Practise (GMP)

GMP adalah sebahagian daripada kepastian kualiti yang memastikan pembuatan sesuatu produk mencapai tahap kualiti yang sesuai mengikut kegunaannya, pendaftaran produk tersebut serta spesifikasinya.

3.4 Jawatankuasa Teknikal Persijilan

Jawatankuasa yang dilantik oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar yang terdiri dari pegawai Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang bertanggungjawab kepada pengiktirafan kepungan.

3.5 Kepungan

Satu atau lebih establishment di bawah pengurusan biosekuriti yang sama terdiri daripada populasi haiwan dengan status penyakit yang jelas, di mana telah dijalankan surveyan, kawalan penyakit dan pengurusan biosekuriti untuk tujuan pemindahan.

3.6 Ladang Babi

Mana-mana tempat di mana perladangan babi dijalankan dan termasuk mana-mana tempat untuk menyimpan babi.

3.7 Loji Pemprosesan

Bangunan kekal yang digunakan untuk pemprosesan produk makanan dari hasilan ternakan, penerimaan ternakan/bahan mentah, penyediaan, pemprosesan, pembungkusan, penyimpanan dan pengedaran produk.

3.8 Pegawai Rundingcara Jabatan

Pegawai Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang diarahkan untuk melaksanakan pemeriksaan dan khidmat nasihat berkaitan kepungan.

3.9 Pemvaksinan

Proses memberi vaksin pada babi sebagai langkah mencegah sesuatu penyakit.

3.10 Audit Dokumen

Audit ke atas dokumen sokongan yang dijalankan oleh PBV bagi memastikan protokol dan SOP kepungan diaplikasi secara berkesan dan baik.

3.11 Pemeriksaan Keakuran

Pemeriksaan pertama meliputi pemeriksaan di lapangan dan pengesahan dokumen sokongan yang dijalankan oleh PBV bagi menilai sama ada protokol dan SOP kepungan yang ditetapkan oleh DVS diamalkan secara berkesan.

3.12 Pemeriksaan Semula

Meliputi pemeriksaan lapangan dan dokumen sekurang-kurangnya sekali setahun setelah diiktiraf sebagai kepungan dan dijalankan oleh PBV bagi memastikan semua syarat dan kriteria pembangunan kepungan dipenuhi dan dikekalkan sepanjang masa.

3.13 Pemeriksaan Ulangan

Audit susulan yang dijalankan oleh PBV bagi membuktikan dan menilai tindakan pembetulan dan penambahbaikan dilaksanakan dengan sempurna, jika perlu.

3.14 Penyakit Wajib Lapor

Senarai penyakit yang telah diwartakan alam Akta Binatang 1953, P.U (B) 44 Pengisytiharan Penyakit Binatang dan Burung.

3.15 Kilang memproses makanan(feedmill)

Tempat untuk merumus, menyedia, menyebati, mencampur, membuat, membungkus, melabel atau mengolah makanan haiwan dengan tujuan untuk menjual atau kegunaan sendiri.

3.16 Rekod Veterinar

Data dan maklumat berkaitan veterinar yang disimpan untuk rujukan.

3.17 Malaysian Good Agricultural Practice (myGAP)

Program Kepastian Kualiti oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar bagi mengiktiraf ladang ternakan mematuhi syarat minimum GAHP, biosekuriti, kawalan penyakit dan kawalan pencemaran alam sekitar.

3.18 Status Kepungan

Menyatakan penetapan status kepungan tersebut berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh DVS.

3.19 Survelan

Aktiviti persampelan, pelaporan dan analisa yang sistematik bagi mengetahui status, taburan corak dan tanda-tanda penyakit dalam populasi babi.

3.20 Vaksin

Merupakan bahan biologik yang diberi kepada babi bagi meningkatkan imuniti terhadap penyakit.

3.21 Veterinawan Berdaftar

Pengamal Veterinar yang berdaftar dengan Majlis Veterinar Malaysia.

3.22 Veterinary Health Mark (VHM)

Pensijilan yang diberikan kepada loji pemprosesan yang akur sepenuhnya kepada syarat keperluan piawaian minima *Hygiene and Sanitation, Good Manufacturing Practice (GMP), Hazard Analysis and Critical Control Point (HACCP) dan Environmental Control.*

4.0 KATA SINGKATAN

ASF	- African Swine Fever
AD	- Aujeszky's Disease
CSF	- Classical Swine Fever
DVS	- Jabatan Perkhidmatan Veterinar
ELISA	- Enzyme-linked Immunosorbent Assay
FMD	- Foot and Mouth Disease
GMP	- Good Manufacturing Practices
JPK	- Jawatankuasa Pembangunan Kepunginan
km	- kilometer
MVC	- Malaysian Veterinary Council
PCR	- Polymerase Chain Reaction
myGAP	- Malaysian Good Animal Practices
PBV	- Pihak Berkuasa Veterinar
PPVD	- Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah
UPK	- Urusetia Permohonan Kepunginan
VHM	- Veterinary Health Mark
VB	- Veterinawan Berdaftar

BAHAGIAN I: KAWASAN DAN PRINSIP KEPUNGAN

Kepungan ialah suatu kawasan yang menjalankan aktiviti penternakan atau perladangan haiwan yang melibatkan satu atau lebih premis yang diisyihar bebas sesuatu penyakit haiwan/ternakan dan menjalankan aktiviti pengurusan penyakit haiwan (survelan, kawalan dan pembasmian penyakit, disinfeksi, pelupusan, penghapusan dan lain-lain aktiviti berkaitan) bagi mengekalkan status bebas tersebut. Sesebuah premis yang melibatkan subpopulasi ternakan di bawah pengurusan biosekuriti yang sama boleh dikategorikan sebagai kepungan.

5.0 KAWASAN KEPUNGAN

Untuk menjadikan sesebuah kawasan itu sebagai kepungan, terdapat dua kawasan yang didefinisikan dan termasuk di dalam kawasan kepungan, iaitu;

5.1 Premis kepungan

Premis yang terlibat di dalam kepungan mestilah dari ladang yang telah mendapat pensijilan myGAP/myOrganic atau dan loji pemprosesan yang mempunyai pensijilan GVHP/VHM dan premis pembuatan makanan yang mempunyai pensijilan GMP. Segala aktiviti premis yang berkaitan pembangunan dan pemantauan kepungan adalah di bawah tanggungjawab pemilik premis.

5.2 Kawasan penampan kepungan

Kawasan penampan kepungan ini adalah kawasan di luar pagar premis kepungan sekeliling ladang/premis sehingga **1 km radius**.

Kawasan penampan kepungan juga bergantung kepada keperluan Negara pengimport jika ladang tersebut berhasrat mengeksport ke negara tersebut.

Semua premis babi termasuk lokasi penternakan babi kampung dan babi liar/hutan di dalam kawasan penampan perlu dikenalpasti dan dipantau oleh pihak DVS Negeri. Sekiranya terdapat premis babi komersial di dalam kawasan penampan kepungan, premis tersebut perlu mendapat perlesenan dari pihak berkuasa veterinar atau/dan pihak berkuasa tempatan.

Jika premis babi komersial yang terletak dalam kawasan penampang kepungan tidak mempunyai lesen penternakan, maka pengiktirafan kepungan tidak dapat dilaksanakan.

6.0 TANGGUNGJAWAB PEGAWAI VETERINAR LADANG

6.1 Pemeriksaan Veterinar

- 6.1.1 Pemeriksaan Veterinar perlu dijalankan oleh Pegawai Veterinar ladang sekurang-kurangnya 4 kali setahun yang meliputi keadaan persekitaran dari luar pagar sekeliling ladang sehingga 1 km radius, biosekuriti, pengurusan sumber dan input ladang, pengurusan sanitasi dan sisa ladang serta kawalan penyakit.
- 6.1.2 Pemeriksaan Veterinar oleh Pegawai Veterinar ladang bertujuan mendapatkan maklumat sekiranya terdapat kes kematian babi (babi hutan, babi kampung) di luar daripada kebiasaan atau terdapat tanda-tanda klinikal penyakit pada babi di kawasan tersebut.
- 6.1.3 Hasil pemeriksaan perlu direkod untuk tujuan pemeriksaan keakuran kepungan oleh PBV.

6.2 Survelan dan Persampelan

- 6.2.1 Survelan dijalankan bertujuan mengesan penyakit dan menilai risiko penyakit bagi sesebuah kepungan. Survelan dijalankan ke atas premis kepungan dan di kawasan penampang kepungan.
- 6.2.2 Survelan oleh PPVD perlu dijalankan sekurang-kurangnya 4 kali setahun pada babi domestik dan populasi babi hutan dengan keputusan negatif meliputi kawasan sekeliling sehingga 1 km radius.
- 6.2.3 Jenis-jenis penyakit utama dalam babi untuk pemantauan kepungan ialah;
 - i. African Swine Fever (ASF)
 - ii. Aujeszky's Disease (AD)
 - iii. Brucellosis (*Brucella suis*)

- iv. Classical Swine Fever (CSF)
- v. Foot and Mouth Disease (FMD)

6.2.4 Tambahan pemantauan jenis penyakit dalam kepungan bergantung kepada keperluan Negara pengimport.

7.0 SURVELAN PREMIS KEPUNGAN

- 7.1 Perlaksanaan program surveyan penyakit babi di dalam **premis kepungan** adalah seperti yang dinyatakan di dalam program surveyan penyakit yang dirancang oleh pemilik premis dan diperakui oleh DVS. Premis tersebut perlu mempunyai Veterinawan Berdaftar dan bertanggungjawab memastikan:
 - i. Program surveyan(termasuk klinikal, serologikal, makanan dan air) di premis kepungan disahkan oleh DVS, mengikut pemantauan seperti di 6.2. Survelan mestilah dijalankan sepetimana yang dirancang.
 - ii. Laporan berkala perlu di hantar ke DVS melalui emel setiap 3 bulan untuk pemantauan.
- 7.2 Semua ujian makmal perlu dijalankan di makmal swasta yang diiktiraf oleh DVS atau yang telah mendapat akreditasi MS ISO/IEC 17025. Ujian makmal dan prosedur mestilah mengikut standard OIE bagi setiap penyakit yang diuji. Setiap makmal juga perlu mengamalkan pengurusan kualiti dan mempunyai prosedur operasi piawaian dalam memastikan setiap pelaporan keputusan ujian makmal dapat disalurkan kepada DVS dengan kadar segera.
- 7.3 7.3 Survelan klinikal juga perlu dijalankan ke atas penyakit wajib lapor yang lain seperti diarahkan oleh DVS dari masa ke semasa.
- 7.4 7.4 Persampelan darah untuk ujian saringan penyakit perlu diambil oleh DVS untuk ujian setahun sekali dan mengikut SOP yang terkandung dalam OIE Terrestrial Animal Health Code bagi penyakit-penyakit tertentu.

8.0 SURVELAN KAWASAN PENAMPAN KEPUNGAN

- 8.1 Survelan penyakit babi bagi premis di dalam **kawasan penampan kepungan** akan dijalankan oleh DVS Negeri mengikut panduan seperti di perkara 7.3 & 7.4.
- 8.2 Saiz sampel untuk surveyan **pertama kali** adalah pada tahap 20% prevalen premis, 95 % *confidence interval*. Saiz sampel untuk surveyan pada tahun-tahun berikutnya akan mengambilkira prevalen kawasan tersebut pada tahun sebelumnya.
- 8.3 Setiap premis yang terpilih perlu diambil minimum 30 sampel. Semua babi perlu disampel jika populasi kurang daripada 30 ekor dalam premis tersebut.
- 8.4 Pensampelan melibatkan pengambilan serum (30 sampel) untuk ujian saringan penyakit FMD perlu diambil **setahun sekali**.
- 8.5 Jika babi didapati positif serologi (tanpa klinikal), surveyan klinikal untuk penyakit FMD, ASF, CSF, AD perlu dilakukan sekurang-kurangnya 1 kali setahun melibatkan semua babi domestik dan babi liar/hutan. Jika babi didapati positif dan menunjukkan tanda-tanda klinikal, tindakan kawalan akan diambil seperti perkara 8.0.
- 8.6 Jika **tiada** ladang komersial lain atau aktiviti ternakan seperti rumah sembelih, loji, hutan simpan dan lain-lain dalam kawasan penampan kepungan, kecuali babi kampung dan babi liar/hutan, maka persampelan akan diambil sebanyak 30 sampel babi kampung dan 30 sampel babi liar/hutan per kawasan 1 km radius tersebut.
- 8.7 Jika terdapat **ladang komersial** lain di kawasan penampan kepungan, premis tersebut perlu bebas daripada penyakit seperti di perkara 6.2.3 atau penyakit yang ditentukan oleh Negara Pengimpor. Survelan penyakit bagi **ladang komersial lain** perlu dijalankan **sekali setahun** oleh DVS.
- 8.8 Survelan klinikal masih perlu dijalankan ke atas penyakit wajib lapor yang lain seperti yang diarahkan oleh DVS.

- 8.9 PPVD atau DVS Negeri perlu menghantar laporan surveyan kawasan penampakan melalui emaill kepada urusetia permohonan kepungan di Ibu Pejabat DVS setiap 3 bulan sekali.

9.0 PELAN PENGURUSAN BIOSEKURITI PREMIS KEPUNGAN

9.1 Infrastruktur Premis Kepungan

- 9.1.1 Premis perlu mematuhi myGAP/myOrganicatau/dan GVHP/VHM atau/dan GMP. **Premis kepungan** perlu mempunyai pagar yang mengasingkan premis dengan populasi ternakan babi yang lain.
- 9.1.2 Infrastruktur premis mestilah bebas dari kemasukan binatang liar dan haiwan perosak. Reban dan stor makanan mestilah bebas daripada kemasukan burung-burung liar. Pokok buah-buahan tidak digalakkkan ditanam di kawasan premis.
- 9.1.3 Infrastruktur premis perlu selaras dengan keperluan biosekuriti seperti pagar, kemudahan disinfeksi di setiap pintu masuk kenderaan dan pekerja. Premis juga perlu ada kemudahan menukar pakaian yang sesuai untuk ke premis serta tempat untuk mencuci peralatan yang kotor.
- 9.1.4 Infrastruktur premis perlu sentiasa dikawal selia dan ditambahbaik dengan cepat dan berkesan sekiranya terdapat kerosakan bagi mengurangkan risiko wabak penyakit.

9.2 Pelan Biosekuriti dan Kontigensi Premis Kepungan

- 9.2.1 Premis kepungan perlu mempunyai pelan biosekuriti yang baik dan sentiasa dipantau keberkesanannya.
- 9.2.2 Pelan kontigensi bagi menangani wabak penyakit sekiranya berlaku di premis kepungan perlu dibangunkan dan didokumenkan sebagai rujukan. Pelan kontigensi haruslah di kemaskini dari masa ke semasa dan disahkan oleh pihak DVS. Tindakan kawalan perlu dibuat sekiranya penyakit dikesan mengikut Pelan Kontigensi yang dibangunkan.

- 9.2.3 Program kesihatan ternakan perlu didokumenkan dan dipantau oleh pihak DVS.
- 9.2.4 Pihak **premis kepungan** bertanggungjawab melaporkan kejadian penyakit yang berlaku di dalam ladang dengan segera kepada pihak DVS. Prosedur pelaporan kepada pihak DVS perlu didokumenkan sebagai rujukan.
- 9.2.5 Babi yang mati dalam **premis kepungan** perlu dijalankan pemeriksaan post-mortem dan disiasat untuk mengetahui jenis dan punca penyakit. Laporan makmal perlu dihantar ke DVS untuk difailkan. Spesimen perlu dihantar di makmal yang diiktiraf oleh DVS atau yang telah mendapat akreditasi MS ISO/IEC 17025 untuk diagnosis, jika perlu. Pelupusan bangkai unggas tersebut perlu dijalankan dengan segera sama ada ditanam atau dibakar (*incinerate*) mengikut prosedur yang ditetapkan.
- 9.2.6 Pihak **premis kepungan** perlu memastikan setiap pekerja diberikan latihan dan pengetahuan berkaitan biosecuriti serta memastikan setiap pekerja mengamalkannya. Program kesedaran biosecuriti ini perlu diberikan kepada pekerja secara berterusan dan menjadi sebahagian dari pelan biosecuriti di premis kepungan.

9.3 Biosecuriti Kawasan Penampaman Kepungan

- 9.3.1 **Kawasan penampaman kepungan** meliputi 1 km radius akan dipantau oleh DVS Negeri. Jika terdapat keperluan vaksinasi bagi babi bukan komersial di kawasan tersebut, vaksin hendaklah dibekalkan oleh pemilik kepungan dan pemvaksinan dilaksanakan oleh pasukan vaksinasi yang dilantik oleh pemilik premis kepungan dengan kerjasama DVS Negeri.

10.0 PENGURUSAN WABAK DI DALAM KAWASAN KEPUNGAN

- 10.1 Jika terdapat wabak penyakit di **kawasan penampang kepungan**, pihak premis kepungan perlu mengambil langkah berjaga-jaga dengan meningkatkan biosekuriti di ladang terutamanya di pintu-pintu masuk ladang/premis kepungan, laluan keluar masuk kenderaan, pekerja serta lain-lain yang berisiko tinggi menjadi pembawa agen penyakit.
- 10.2 Wabak penyakit yang berlaku di dalam **kawasan kepungan** akan diuruskan oleh DVS mengikut pengurusan indeks penyakit haiwan serta pengurusan krisis sehingga kawasan kepungan tersebut pulih dan bebas penyakit. Ternakan babi dalam premis yang disahkan positif penyakit ASF akan dimusnahkan termasuk semua ternakan babi di dalam kawasan 1 km radius. Lain-lain penyakit yang berlaku akan diuruskan mengikut Protokol Veterinar Malaysia (PVM) atau mengikut arahan semasa yang diberikan oleh DVS dalam mengawal wabak penyakit tersebut.

11.0 DAYA JEJAK DAN REKOD

- 11.1 Pemindahan ternakan adalah faktor kritikal dalam penyebaran sesuatu wabak penyakit. Oleh itu, pemindahan ternakan perlu dijalankan mengikut prosedur yang ditetapkan tanpa menjelaskan biosekuriti di ladang.

Pihak ladang perlu memastikan perkara-perkara berikut berkaitan pemindahan ternakan;

 - 11.1.1 Babi yang dibawa masuk ke dalam premis kepungan perlu dari sumber yang bebas penyakit.
 - 11.1.2 Pengimportan babi dari negara lain perlu mengikut protokol terkini yang diluluskan oleh DVS.
 - 11.1.3 Kebajikan haiwan dalam ladang dan semasa pengangkutan ternakan ke loji pemprosesan perlu dipelihara.
 - 11.1.4 Pemindahan mestilah mempunyai permit perjalanan yang sah dan Sijil Kesihatan Veterinar (SKV) yang dikeluarkan dari negeri asal.

- 11.2 Rekod hendaklah disimpan dengan baik untuk semakan oleh pihak berkuasa DVS Negeri semasa lawatan ke ladang. Rekod perlu disusun agar mudah dibaca, dianalisa dan difahami. Rekod merupakan dokumen penting bagi daya jejak penyakit jika ianya berlaku.
- 11.3 Antara rekod yang perlu ada di dalam premis adalah:
- 11.3.1 Rekod kemasukan ternakan dan pengangkutan (termasuk kenderaan lain) ke dalam premis.
- 11.3.2 Rekod penghantaran ternakan dan pengangkutan ke loji pemprosesan atau ke ladang-ladang lain.
- 11.3.3 Rekod pergerakan keluar/masuk pekerja dan pelawat/pelanggan ke dalam premis kepungan.
- 11.3.4 Rekod kesihatan dan imunisasi pekerja.
- 11.3.5 Rekod pemberian makanan dan kaedah penyimpanan.
- 11.3.6 Rekod kesihatan ternakan seperti:
- i. Rekod kematian ternakan
 - ii. Rekod pemeriksaan klinikal
 - iii. Rekod post-mortem dan makmal
 - iv. Rekod profil gerompok
 - v. Rekod surveyan penyakit dan keputusan makmal
 - vi. Rekod pemvaksinan dan ubatan termasuk penggunaan ubatan dalam makanan dan minuman
 - vii. Rekod senarai loji pemprosesan
- 11.3.7 Rekod bagi loji pemprosesan adalah rekod-rekod berkaitan kepastian kualiti seperti Amalan Pengilangan yang Baik (GMP) dan/atau sistem HACCP.
- 11.3.8 Rekod kawalan mahluk perosak di ladang, kilang makan, tempat simpanan makanan dan ubatan dan di loji pemprosesan/rumah sembelih dan pejabat.

- 11.4 Bagi kawasan penamparan kepungan, pihak DVS Negeri/daerah perlu menyimpan sekurang-kurangnya selama 5 tahun salinan rekod-rekod tersebut:
- i. senarai premis di kawasan tersebut
 - ii. data wabak yang dilaporkan di kawasan tersebut
 - iii. aktiviti surveyan beserta keputusannya
 - iv. rekod vaksin yang dijalankan
 - v. Rekod Pemeriksaan kawasan penamparan I km radius

12.0 PEMVAKSINAN

- 12.1 Kepungan babi perlu disahkan bebas oleh DVS bagi penyakit berikut;
- i. FMD (tanpa atau dengan penvaksinan)
 - ii. CSF (dengan pemvaksinan)
 - iii. AD (dengan atau tanpa penvaksinan)
 - iv. ASF (tanpa pemvaksinan)
 - v. Brucella suis (dengan atau tanpa pemvaksinan)
- 12.2 Semua babi perlu diberi vaksin penyakit CSF dan penyakit lain seperti yang diarahkan oleh DVS. Semua program vaksinasi perlu direkodkan dan hanya vaksin yang dibenarkan sahaja boleh digunakan.
- 12.3 Penggunaan anti-mikrob perlu disahkan oleh Pegawai Veterinar di ladang seperti yang diarahkan oleh DVS.
- 12.4 Penggunaan vaksin bagi pencegahan ASF adalah tidak dibenarkan sehingga ada makluman dan arahan terkini DVS.
- 12.5 Profil gerompok (*herd profiling*) perlu dinilai sekurang-kurangnya setahun sekali untuk menentukan keberkesanan program pemvaksinan.

13.0 PEMERIKSAAN POST MORTEM

- 13.1 Babi yang mati perlu dijalankan pemeriksaan post-mortem dan disiasat untuk mengenalpasti punca dan jenis penyakit. Pelupusan bangkai babi tersebut perlu dijalankan dengan segera sama ada ditanam atau dibakar.
- 13.2 Spesimen perlu dihantar ke makmal yang diiktiraf oleh DVS atau makmal yang telah mendapat akreditasi MS ISO/IEC 17025 untuk diagnosis.

BAHAGIAN II: PROSEDUR PERMOHONAN DAN PENDAFTARAN KAWASAN KEPUNGAN

14.0 KELAYAKAN MEMOHON

- 14.1 Ladang babi yang berminat untuk menubuhkan kepungan perlu terdiri daripada ladang yang telah mendapat persijilan myGAP/myOrganic.
- 14.2 Pemohon perlu mengenalpasti semua ladang/premis babi lain yang berada di luar pagar sekeliling ladang sehingga 1 km radius.
- 14.3 Mempunyai Pegawai Veterinar ladang yang berdaftar dengan Malaysian Veterinary Council (MVC).

15.0 PROSEDUR PEMOHONAN KEPUNGAN

- 15.1 Pemohon baru perlu mengisi borang permohonan (Lampiran 1) dan disertakan dengan dokumen premis yang berkaitan termasuk sijil myGAP/myOrganic atau GVHP/VHM atau GMP yang masih dalam tempoh sah laku.
- 15.2 Permohonan akan diproses di peringkat DVS Negeri merangkumi pemeriksaan dokumen dan verifikasi lapangan oleh Pegawai Rundingcara Jabatan.

15.3 Tanggungjawab Pegawai Rundingcara Jabatan

- 15.3.1 Pegawai rundingcara jabatan akan menjalankan pemeriksaan keakuran (*compliance audit*) dan pemeriksaan ulangan. Pemeriksaan ulangan hanya akan dijalankan jika terdapat kekurangan atau kelemahan yang perlu diperbaiki semasa pemeriksaan keakuran dijalankan. Pemohon hendaklah mendapatkan khidmat nasihat untuk penambahbaikan keperluan keakuran kepungan dari pegawai rundingcara Jabatan.
 - 15.3.2 Menjalankan pemeriksaan keakuran dan pemeriksaan ulangan (jika perlu) ke atas kepungan yang didaftar mengikut senarai semak seperti di Lampiran 2(i) dan memastikan pihak DVS Negeri mempunyai maklumat dan rekod seperti di Lampiran 2(ii).
 - 15.3.3 Menyediakan laporan pemeriksaan keakuran dan pemeriksaan ulangan seperti di Lampiran 3(i) dan Lampiran 3(ii) dan salinan laporan tersebut perlu dihantar kepada Urusetia Permohonan Kepungan (UPK).
 - 15.3.4 Merekodkan aktiviti pemeriksaan dalam log pemeriksa (Lampiran 4) di lapangan dan menghantar satu salinan log pemeriksa kepada Urusetia Permohonan Kepungan (UPK).
 - 15.3.5 Hasil pemeriksaan dan laporan penilaian disediakan oleh pegawai rundingcara Jabatan.
- 15.4 Permohonan beserta laporan yang lengkap perlu dihantar oleh DVS Negeri kepada Urusetia Permohonan Kepungan (UPK) di Seksyen Kawalan Penyakit Haiwan dan Zoonosis, Bahagian Kawalan Penyakit dan Biosekuriti Veterinar, Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar di Putrajaya.
 - 15.5 Laporan pemeriksaan dan verifikasi beserta dokumen sokongan akan disemak oleh UPK. Hanya permohonan yang lengkap sahaja akan diproses dan didaftarkan.

- 15.6 Pegawai Rundingcara Jabatan akan membentangkan laporan pemeriksaan kepungan kepada Jawatankuasa Teknikal Persijilan di bawah pengurusan Seksyen Pemeriksaan dan Pensijilan Veterinar, Bahagian Regulatori Veterinar bagi mendapatkan kelulusan pengiktirafan kepungan.
- 15.7 Pengiktirafan kepungan akan dimaklumkan oleh UPK melalui surat pemberitahu kelulusan.
- 15.8 Sijil bagi pengiktirafan kepungan akan disediakan oleh Bahagian Regulatori Veterinar.
- 15.9 Bagi premis yang berjaya memenuhi semua syarat dan kriteria pembangunan kepungan, pemeriksaan semula kepungan akan dijalankan sekurang-kurangnya sekali setahun mengikut senarai semak (Lampiran 2) oleh pegawai rundingcara jabatan dan pemilik premis perlu memastikan semua kriteria dan syarat pembangunan kepungan dipenuhi dan dikenalkan sepanjang masa. Sijil kepungan adalah sah selama tempoh dua (2) tahun dan perlu diperbaharui melalui pemeriksaan semula yang dijalankan oleh Pegawai Rundingcara Jabatan dalam tempoh 3 bulan sebelum tamat tempoh sah sijil kepungan.

16.0 PEMBATALAN KAWASAN KEPUNGAN

- 16.1 Kawasan kepungan akan dibatalkan atau ditarik balik sekiranya:
 - 16.1.1 Ladang / Premis kepungan ditutup dan tidak beroperasi.
 - 16.1.2 Penarikan sijil myGAP/myOrganic atau GVHP/VHM atau GMP pada premis kepungan.
 - 16.1.3 Tidak atau gagal memperbaharui sijil myGAP/ myOrganic atau GVHP/VHM atau GMP pada premis kepungan.
 - 16.1.4 Melanggar syarat dan kriteria yang ditetapkan oleh DVS.
 - 16.1.5 Gagal akur kepada teguran untuk dua kali dalam tempoh yang diberikan.

- 16.1.6 Berlaku wabak penyakit bagi penyakit yang telah ditentukan seperti di perkara 6.2.3 atau penyakit yang ditentukan oleh Negara Pengimport.
- 16.1.7 Penambahan ladang/premis dalam kepungan tanpa pengetahuan dan kebenaran DVS.

SENARAI RUJUKAN

1. Akta Binatang 1953.
2. Akta Doktor Veterinar 1974
3. OIE Manual of Diagnostic Tests and Vaccines for Terrestrial Animals. Chapter 2.6.7.5.
4. OIE Chapter 1.3.5. Zoning and Compartmentalisation.
5. OIE Compartmentalisation Guidelines for ASF, 2021
6. Protokol Kawalan Penyakit Haiwan Kebangsaan, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Kementerian Pertanian Malaysia, 2003.
7. Akta Kebajikan Haiwan 2015.

LAMPIRAN 1

DVS/Kep.001		
PERMOHONAN KEPUNGAN APPLICATION FOR COMPARTMENT		
 KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR <i>DEPARTMENT OF VETERINARY SERVICES</i> Wisma Tani, Podium Block 1A, Lot 4G1, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62630 Putrajaya, Malaysia Tel: 603-88702022 Fax: 603-88885755	

(A) Sila Lengkapkan Maklumat Berikut: (Please fill in the required information)

1. Nama Pemohon : <i>Applicant's Name:</i>	2. Tarikh : <i>Date</i>
3. E-mail (jika ada) : <i>E-mail (if available):</i>	
4. Nama dan Alamat Syarikat : <i>Company Name and Address:</i>	5. No. Telefon : <i>Telephone No.</i>
6. No. Fax : <i>Fax No.</i>	
7. Nama dan Alamat Premis / Ladang (jika berlainan) : <i>Premise Name and Address (if different):</i>	8. No. myGAP/myOrganic/ GVHP/ VHM/ GMP: <i>myGAP/myOrganic/GVHP/ VHM /GMP No.</i>
9. No. Kod Ladang (Jika Ada): <i>Farm code No (if available)</i>	
10. Jenis operasi premis (Sila tandakan / & bulatkan maklumat yang berkaitan) : <i>Type of Premise Operation (Please tick / & circle the relate infomation) :</i> <ul style="list-style-type: none"> 1. <input type="checkbox"/> Premis Perladangan Ayam (<i>Poultry Farming</i>): (Baka (GPS/PS)/ Pedaging/ Penelur/ Pusat Penetasan) (<i>Breeder (GPS/PS)/ Broiler/ Layer/ Hatchery</i>) 2. <input type="checkbox"/> Premis perladangan Itik (<i>Duck Farming</i>) (Baka (GPS/PS)/ Pedaging/ Penelur/ Pusat Penetasan) (<i>Breeder (GPS/PS)/ Broiler/ Layer/ Hatchery</i>) 	
11. No Lesen Premis/ ladang (dari DVS/ Majlis Tempatan, jika ada) : <i>Premis/farm Licence No (from DVS/ Local Authority, if Available) :</i>	

<p>3. <input type="checkbox"/> Premis Perladangan Lembu (Pedaging/ Tenusu/ Fidlot/ Baka) (Beef/ Dairy/ Feedlot/ Breeder)</p> <p>4. <input type="checkbox"/> Premis Perladangan Kambing (Pedaging/ Tenusu/ Baka) (Goat/ Dairy/ Fidlot/ Breeder)</p> <p>5. <input type="checkbox"/> Premis perladangan Babi (<i>Pig Farm</i>)</p> <p>6. <input type="checkbox"/> Premis Perladangan Walit (<i>Edible-nest Swiftlet Ranching Premises</i>)</p> <p>7. <input type="checkbox"/> Premis perladangan integrasi (<i>Integration farming</i>)</p> <p>8. <input type="checkbox"/> Premis loji pemprosesan (<i>Processing Plant</i>)</p> <p>9. <input type="checkbox"/> Premis pemprosesan makanan haiwan (<i>Feedmill</i>) (Sendiri/Sumber lain)</p> <p>10. <input type="checkbox"/> Lain-lain (<i>Others</i>) Silanyatakan (<i>Please state</i>)</p>	
<p>12. Sumber DOC/DOD (Nama dan alamat ladang) : <i>DOC/DOD source (Farm's name and address) :</i></p>	

(B) DokumenSokongan yang diperlukan: (*Required supporting document*):

Bil	Lampiran (<i>Attachment</i>)	Tandakan (✓) (<i>Tick (✓)</i>)
1.	Sijil MyGAP/ VHM/ GMP terkini (<i>Latest MyGAP/VHM/GMP certification</i>)	
2.	Pelan susunatur premis/ ladang (<i>Premis/Farm layout</i>)	
	Dokumen lain (<i>Other document</i>) <ol style="list-style-type: none"> 1. Pelan kontigensi ladang (<i>Farm contingency plan</i>) 2. Program surveyan penyakit ladang (<i>Disease surveillance</i>) 3. Prosedur pelaporan penyakit kepada DVS Negeri (<i>Disease reporting procedure</i>) 4. Program kesihatan ternakan (<i>Animal Health Programme</i>) 5. Prosedur Pengurusan Ladang (termasuk makanan, minuman, kawalan bahan sisa dan kawalan vektor) (<i>Farm Management Procedure including feed, water, waste and vector control management</i>) 6. Program latihan pekerja ladang tahunan (<i>Workers annual training</i>) 7. Sijil pengiktirafan makmal (<i>Lab certification</i>) 	

(C) Deklarasi Pemilik/ Pengurus Ladang (*Declaration By Farm Manager/ Owner*)

Saya mengesahkan bahawa maklumat yang diberikan adalah benar dan tepat. Syartikat bersetuju untuk bertanggungjawab melaksanakan semua keperluan kepungan.

I declare that the information given above are true and correct. The company under-takes to comply with all requirements of the compartment.

Name and designation:

Company Name and Stamp:

Date:

Disemak dan disahkan oleh: (*checked and Verify by*)

Name:

MVC No.:

Date:

Untuk kegunaan DVS (*For DVS use only*)

Ulasan (Comments):

Signature and Official Stamp : _____

Name : _____

Designation of DVS Officer : _____

Date : _____

Premis lain dalam kawasan penampungan (<i>other premises</i>)		
Jenis ternakan (<i>type of animals</i>)	Jumlah ladang/ premis (<i>total farm/ premise</i>)	Jumlah populasi (<i>total population</i>)

LAMPIRAN 2 (i)

NAMA PREMIS : _____
NAMA SYARIKAT : _____
TARIKH SEMAK : _____

SENARAI SEMAK KEPUNGAN BABI (Premis Kepungan)

BUTIRAN	PERKARA-PERKARA YANG PERLU ADA	ADA (✓) / TIADA (✗)	KOMEN
Sijil myGAP/ myOrganic/ GVHP/ VHM/ GMP	1. Tarikh sijil yang terkini 2. Maklumat berikut perlu ada dan sama di dalam dokumen dan borang permohonan : <ol style="list-style-type: none"> Nama syarikat Alamat syarikat Nama premis 		
A. MAKLUMAT PREMIS			
1. PROFIL PREMIS			
1.1 Maklumat Premis	1. Latarbelakang syarikat/ ladang 2. Jenis operasi 3. Carta organisasi syarikat/ ladang 4. Jumlah pekerja termasuk maklumat pekerja 5. Nama dan maklumat Doktor Veterinar Ladang		
1.2 Maklumat ternakan	1. Menyatakan jenis ternakan 2. Bilangan jenis ternakan 3. Bilangan umur ternakan 4. Menyatakan kapasiti reban/ kandang dan populasi semasa		
2. PELAN LOKASI DAN SUSUN ATUR LADANG			
2.1 Pelan lokasi premis	Menyertakan pelan lokasi premis		
2.2 Pelan susun atur ladang (beserta infra struktur dan kemudahan)	Menyertakan pelan susunatur ladang termasuk pagar perimeter		
2.2.1 Infrastruktur dan kemudahan ladang	1. Menyatakan jenis dan rekabentuk reban/ kandang (reban terbuka, tertutup dan lain-lain) 2. Sumber bekalan elektrik dan air minuman dan cucian serta prosedur rawatan air		

3. BIOSEKURITI			
3.1 Pengurusan premis	<ol style="list-style-type: none"> 1. Prosedur perolehan ternakan (anak, baka atau lain-lain) 2. Prosedur pengurusan ternakan 3. Prosedur penyelenggaraan reban/kandang pencelup kaki, proses disinfeksi 4. Menyatakan jenis pagar perimeter, kesempurnaan dan pembahagian antara kawasan pengeluaran dan bukan pengeluaran 5. Kemudahan suci hama kenderaan 6. Kemudahan kepada pelawat 		
3.2 Pelan biosekuriti	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pelan kontigensi penyakit 2. Program kesihatan ternakan 3. Prosedur pelaporan kes penyakit kepada pihak berkuasa 		
3.3 Latihan	Memberikan latihan biosekuriti kepada pekerja		
4. SURVELAN			
4.1 Program surveyan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Prosedur terperinci program persampelan: <ol style="list-style-type: none"> a. African Swine Fever (ASF) b. Aujeszky's Disease (AD) c. Brucellosis (Brucella suis) d. Classical Swine Fever (CSF) e. Foot and Mouth Disease (FMD) f. Penyakit lain yang ditentukan oleh Negara Pengimpor 2. Laporan keputusan makmal 3. Prosedur pelaporan program surveyan kepada pihak berkuasa DVS 		
5. PENGURUSAN LADANG			
5.1 Kawalan Pencemaran	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pengurusan tinja 2. Pengurusan bangkai ayam 3. Pengurusan sisa kumbahan 4. Kawalan pelepasan debu dan habuk 5. Kawalan lalat 		
5.2 Kawalan Vektor	<ol style="list-style-type: none"> 1. Program kawalan makhluk perosak 2. Haiwan peliharaan/ haiwan liar 3. Tanaman di dalam dan perimeter ladang 		
7. DAYAJEJAK DAN REKOD			
5.1 Pengenalan dan daya-jejak ternakan dan hasil ternakan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Prosedur pengenalan ternakan untuk tujuan dayajejak dan kod-kod terlibat 2. Prosedur melabelkan hasilan ladang untuk tujuan dayajejak dan kod-kod terlibat 		

5.2 Pengangkutan	Prosedur pengangkutan ternakan dan hasilan haiwan serta keadaan lori, kaitan dengan kebaikan haiwan		
5.3 Rekod	<ol style="list-style-type: none"> 1. Rekod kemasukan ternakan dan pengangkutan ke dalam premis. 2. Rekod penghantaran ternakan dan pengangkutan ke loji pemprosesan atau ke ladang-ladang lain. 3. Rekod pergerakan keluar/ masuk pekerja dan pelawat ke dalam premis kepungan. 4. Rekod kesihatan dan imunisasi pekerja 5. Rekod pemberian makanan dan kaedah penyimpanan 6. Rekod kesihatan ternakan seperti: <ol style="list-style-type: none"> i. Rekod kematian ternakan ii. Rekod pemeriksaan klinikal iii. Rekod post-mortem dan makmal iv. Rekod profil kelompok v. Rekod surveyan penyakit dan keputusan makmal vi. Rekod pemvaksinan dan ubatan termasuk penggunaan ubatan dalam makanan dan minuman vii. Rekod senarai loji pemprosesan 7. Rekod bagi loji pemprosesan adalah rekod-rekod berkaitan kepastian kualiti seperti Amalan Pengilangan yang Baik (GMP) dan/atau sistem HACCP. 		

LAMPIRAN 2 (ii)**SENARAI SEMAK KEPUNGAN BABI (KAWASAN PENAMPAN KEPUNGAN)**

**Sila buka satu fail bagi menyimpan semua maklumat mengikut senarai semak kepungan ini*

BUTIRAN	PERKARA-PERKARA YANG PERLU ADA	ADA (✓) / TIADA (✗)	KOMEN
1. MAKLUMAT LADANG-LADANG			
1.1 Populasi unggas	1. Senarai premis kampung di kawasan 1 km radius dari premis kepungan <ul style="list-style-type: none"> • Nama premis • Jumlah populasi semasa • Jenis ternakan • Jenis operasi 2. Senarai premis babi komersial di kawasan 1 km radius dari premis kepungan <ul style="list-style-type: none"> • Nama ladang • Jumlah populasi semasa • Jenis ternakan • Jenis operasi 		
1.2 Ladang komersial/loji pemprosesan	1. Mempunyai sijil myGAP/myOrganic/GVHPVHM/GMP yang sah 2. Mempunyai lesen yang sah		
2. SURVELAN			
2.1 Ladang Babi	1. Penentuan saiz sampel pada tahap 20% prevalen premis pada tahun pertama , setiap premis terpilih, 30 sampel. 2. Penentuan saiz sampel tahun seterusnya berdasarkan prevalen tahun sebelumnya. 3. Program persampelan: <ol style="list-style-type: none"> African Swine Fever (ASF) Aujeszky's Disease (AD) Brucellosis (Brucella suis) Classical Swine Fever (CSF) Foot and Mouth Disease (FMD) Penyakit lain yang ditentukan oleh Negara Pengimpor (jika ada). - - - 4. Laporan keputusan makmal. 5. Laporan surveyan kepada pihak Urusetia Permohonan Kepungan		

3. BIOSEKURITI			
3.1 Vaksinasi	Bagi ladang babi: <ul style="list-style-type: none">• Jenis vaksin yang digunakan• Jadual pemvaksinan		
4. DAYAJEJAK DAN REKOD			
4.1 Rekod	1. Rekod kesihatan ternakan seperti di kawasan penampungan: <ol style="list-style-type: none">i. Rekod kes/wabak penyakit yang berlakuii. Rekod surveilans dan keputusan makmal (rujuk 2.1)iii. Rekod vaksinasi (rujuk 3.1)		

LAMPIRAN 3 (i)

GARIS PANDUAN PENYEDIAAN LAPORAN KEPUNGAN

1. PENGENALAN

- i. Nama Premis Kepungan :
- ii. Tarikh pemeriksaan :
- iii. Latarbelakang premis kepungan (di mana perlu) :
 - Jenis ternakan
 - Jumlah pengeluaran

2. HASIL PEMERIKSAAN

- i. Tarikh pemeriksaan terdahulu (bagi pemeriksaan keakuran) - penerimaan baru jika berkaitan.
- ii. Tarikh pemeriksaan terakhir (bagi pemeriksaan semula).
- iii. Kedudukan premis (contoh: pertukaran pengurusan, pertambahan skop pengeluaran kerja baikpulih dan lain-lain).
- iv. Premis
- v. Dokumentasi
- vi. Verifikasi rekod

3. KETIDAKAKURAN (jika ada)

- i. Lampiran laporan ketidakakuruan

4. CADANGAN

5. RUMUSAN

LAMPIRAN 3 (ii)

			DVS/Kep.002
PEMERIKSAAN KEAKURAN DAN PEMERIKSAAN ULANGAN KEPUNGAN			
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR DEPARTMENT OF VETERINARY SERVICES			
LAPORAN KETIDAKAKURAN DAN CADANGAN		Pemeriksaan: 1. Keakuran i. Lapangan ii. Dokumen 2. Ulangan 3. Semula	
Rujukan :	Tarikh :		
Nama pemeriksa keakuruan :			
Nama kepungan diperiksa :		No. Premis/No. Daftar (di mana berkaitan) :	
Tarikh pemeriksaan :			
Bil	Ketidakakuran/ pemerhatian	Kegunaan pejabat	
Tandatangan wakil kepungan		Tandatangan pemeriksaan	
Nama : Jawatan : Tarikh :		Nama : Jawatan : Tarikh :	

LAMPIRAN 4

Nama Premis :
No. Premis :
Alamat Premis :

LOG PEMERIKSAAN KEPUNGAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
MALAYSIA

Tarikh/ Hari	Nama Pegawai Rundingcara	Tujuan pemeriksaan	Catatan	T/tangan& Cap Premis	T/tangan& Cap Pegawai Rundingcara

JAWATANKUASA PENYEDIAAN APTVM KEPUNGAN BABI

EDISI 1: 2009

Y. H. Dato' Dr. Mohammad Azmie bin Zakaria (Pengerusi)
Bahagian Pengurusan Biosecuriti dan SPS

Dr. P. Loganathan
Seksyen Kawalan dan Pembasmian Penyakit

Dr. Jasbir Singh
Seksyen Kawalan dan Pembasmian Penyakit

Dr Zarina binti Mohamad
Seksyen Kawalan dan Pembasmian Penyakit

Dr Salina binti Amad Bugis
Seksyen Kawalan dan Pembasmian Penyakit

Dr Dayang Salwani binti Masherri
Seksyen Kawalan dan Pembasmian Penyakit

En Husni Panjang
Seksyen Kawalan dan Pembasmian Penyakit

Dr Gulam bin Shah Fazal Din
Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kulaiti

Dr Asiah Naina binti Mohd Alim
Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kulaiti

Dr Norhaliz binti Abdul Halim
Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kulaiti

En Abdul Jalil bin Ibrahim
Bahagian Perancang

JAWATANKUASA PENYEDIAAN APTVM KEPUNGAN BABI

EDISI 2: 2021

Dr Aida binti Muhid
Pengarah Kanan, Bahagian Kawalan Penyakit dan Biosekurit Veterinar

Dr. Jamaliah binti Senawi
Seksyen Kawalan Penyakit Haiwan dan Zoonotik

Dr. Sarah Dadang Abdullah
Seksyen Kawalan Penyakit Haiwan dan Zoonotik

Dr Salina binti Amad Bugis
Seksyen Kawalan Penyakit Haiwan dan Zoonotik

Dr Nik Hamidah binti Nik Hussin
Seksyen Kawalan Penyakit Haiwan dan Zoonotik

Dr Muhammad Syzwan bin Muhammad Sabri
Seksyen Kawalan Penyakit Haiwan dan Zoonotik

Dr Ari Harjis bin Basir
Seksyen Kawalan Penyakit Haiwan dan Zoonotik

Dr. Leonora Tuah Merawin
Seksyen Kawalan Penyakit Haiwan dan Zoonotik

Dr. Noor Ismailiza binti Ismail
Seksyen Kawalan Penyakit Haiwan dan Zoonotik

Dr. Siti Hajar Nor binti Muhammad
Seksyen Kawalan Penyakit Haiwan dan Zoonotik

PENGHARGAAN

Pihak yang terlibat dalam penyediaan APTVM ini terdiri daripada:

EDISI 2009

Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS

Bahagian Perancang

Bahagian Pembangunan Komoditi Ternakan

Bahagian Diagnostik dan Kepastan Kualiti

Bahagian Pembangunan Sumber Teknologi Ternakan

Bahagian Pembangunan Industri Hiliran

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri

EDISI 2021

Bahagian Kawalan Penyakit dan Biosekuriti Veterinar

Bahagian Perancangan Strategik

Bahagian Kesihatan Awam Veterinar

Bahagian Regulatori Veterinar

Bahagian Pembangunan Industri Ternakan

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri



**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
MALAYSIA**